

## ILMU TASAWUF: PENSYARIATAN SERTA PERKEMBANGANNYA DI TANAH MELAYU DAN SELANGOR DARUL EHSAN

### *Sufism: Its Legislation and Development in Malaya and Selangor Darul Ehsan*

<sup>i\*</sup>Ahmad Mursyid Azhar

<sup>ii</sup>Alifah Ilyana Hamizan

<sup>iii</sup>Muhammad Aiman Akmal Omar

<sup>i\*</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800, Nilai, Negeri Sembilan, [ahmadmursyid80@gmail.com](mailto:ahmadmursyid80@gmail.com)

<sup>ii</sup>Pegawai Penyelidik, Jabatan Mufti Negeri Selangor, Tingkat 7&8, Bangunan Sultan Idris Shah, 40000 Shah Alam, Selangor, [alifah@muftiselangor.gov.my](mailto:alifah@muftiselangor.gov.my)

<sup>iii</sup>Pegawai Penyelidik, Jabatan Mufti Negeri Selangor, Tingkat 7&8, Bangunan Sultan Idris Shah, 40000 Shah Alam, Selangor, [aiman@muftiselangor.gov.my](mailto:aiman@muftiselangor.gov.my)

\* (Corresponding author) e-mail: [ahmadmursyid80@gmail.com](mailto:ahmadmursyid80@gmail.com)

### ABSTRAK

Tasawuf adalah satu ilmu dan juga proses penyucian hati serta pengosongan diri daripada sifat-sifat tercela. Tasawuf membentuk seseorang sebagai sufi yang mempunyai akhlak yang mulia dan mencari kebenaran. Walaupun begitu, pensyariatan tasawuf dalam Islam tetap dipersoalkan pada masa kini. Oleh itu, kajian ini bertujuan menerangkan tentang pensyariatan tasawuf. Kajian ini juga akan membahaskan perkembangan tasawuf di Tanah Melayu dan di Negeri Selangor Darul Ehsan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Kajian analisis tekstual dijalankan

terhadap dokumen-dokumen tertentu seperti buku-buku dan artikel jurnal yang berkaitan dengan ilmu tasawuf serta sejarah dan perkembangannya di Nusantara atau Malaysia. Kajian mendapati pensyariatan tasawuf banyak disebut dalam al-Quran, hadis-hadis Nabi SAW serta pembuktian daripada tokoh-tokoh ilmuwan Islam. Perkembangan tasawuf di Tanah Melayu dipelopori oleh golongan sufi yang memainkan peranan penting dalam menuntut kemerdekaan dan gerakan dakwah di Malaysia. Manakala perkembangan tasawuf di Selangor pula dipengaruhi faktor penglibatan Sultan atau kerajaan, pengamalan tarekat dan pengajian *turāth*. Perkembangan tasawuf di Selangor adalah hasil usaha para pendakwah, agensi agama dan juga Kerajaan Negeri Selangor.

**Kata Kunci:** Ilmu tasawuf; tasawuf di Tanah Melayu; tasawuf di Selangor.

## ABSTRACT

Sufism is a discipline and a process of purifying the heart and emptying the self from reprehensible traits. Sufism shapes a person into a Sufi who possesses noble character and seeks the truth. Nevertheless, the legitimization of Sufism in Islam continues to be questioned today. Therefore, this study aims to explain the legitimization of Sufism. It will also discuss the development of Sufism in the Malay Peninsula and in the state of Selangor Darul Ehsan. This study employs a qualitative approach by applying content analysis as its research design. A textual analysis is conducted on specific documents such as books and journal articles related to the knowledge of Sufism, as well as its history and development in the Malay Archipelago or

Malaysia. The study finds that the legitimization of Sufism is extensively mentioned in the Qur'an, the sayings of the Prophet Muhammad (PBUH), and is supported by the testimonies of renowned Islamic scholars. The development of Sufism in the Malay Peninsula was pioneered by Sufi figures who played a crucial role in the struggle for independence and the Islamic missionary movement in Malaysia. Meanwhile, the development of Sufism in Selangor has been influenced by the involvement of the Sultan or state government, the practice of *tarekat*, and the study of *turāth*. The growth of Sufism in Selangor is the result of the efforts of preachers, religious agencies, and the Selangor State Government.

**Keywords:** Science of Sufism; sufism in Malaya; sufism in Selangor.

## PENDAHULUAN

Tasawuf menurut Dewan Bahasa dan Pustaka adalah ajaran iaitu jalan atau usaha untuk mengenal Tuhan dgn benar-benar dan mendekatkan diri dengan Tuhan. Tasawuf juga disebut sebagai ilmu suluk dan ilmu tarekat.<sup>1</sup> Manakala, asal-usul perkataan tasawuf dipercaya berasal daripada bahasa Arab.

Para ulama berbeza pandangan dalam membahaskan asal-usul perkataan tasawuf. Sebahagian berpandangan ia berasal daripada perkataan "الصَّفَاءُ" (*al-ṣafā'*) yang bermaksud kesucian atau kemurnian. Ada juga yang berpandangan ia berasal daripada perkataan "الصَّفَّ" (*al-ṣaff*) kerana menganggap golongan sufi berada di barisan pertama di hadapan Allah SWT. Ada juga yang berpandangan perkataan tasawuf dinisbahkan kepada *Aهْل الصَّفَّةِ* (*ahl al-*

---

<sup>1</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, diakses pada 26 Mei 2025, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=tasawuf>

*suffah). Ahl al-suffah* adalah sekumpulan golongan fakir daripada kalangan Muhajirin dan Ansar yang tinggal di suatu tempat di bahagian belakang Masjid Nabawi. Mereka ini terkenal dengan amalan ibadah mereka. Pendapat lain pula menyatakan tasawuf berasal daripada perkataan "الصُّوف" (*al-sūf*) iaitu kain bulu (*wool*).<sup>2</sup>

Pendapat yang lebih tepat mengenai asal usul perkataan tasawuf adalah berasal daripada perkataan "الصُّوف" (*al-sūf*) iaitu kain bulu (*wool*). Ramai dalam kalangan sufi yang cenderung kepada pandangan ini termasuk al-Sarrāj al-Tūsī, Ibn Khaldūn dan beberapa tokoh lain.<sup>3</sup> Ini kerana, golongan sufi terdahulu hanya memakai kain bulu yang menunjukkan kezuhudan mereka dan jauhnya mereka daripada kemewahan hidup dunia.<sup>4</sup>

Begitu juga maksud tasawuf pada istilah. Para ulama berbeza pandangan dalam menetapkan definisi tasawuf. Perbezaan pandangan ini tidak menunjukkan betul dan salah. Akan tetapi, perbezaan ini pada sudut variasi dan kepelbagaian dalam penggunaan kalimat-kalimat, ucapan-ucapan dan penggunaan ungkapan-ungkapan serta pemilihan lafaz-lafaz berkaitan tasawuf.<sup>5</sup> Menurut Abū al-Qāsim al-Qushayrī, tasawuf adalah:

الصَّفَاءُ حَمْوَدٌ بِكُلِّ لِسَانٍ وَضِدُّهُ الْكُدُورَةُ  
وَهِيَ مَذْمُوَةٌ

*Maksudnya: Kemurnian adalah sesuatu yang terpuji pada setiap lisan. Lawannya adalah kekeruhan iaitu sesuatu yang tercela.*<sup>6</sup>

<sup>2</sup> Abu al-Wafā al-Ghanamī. *Madkhal Ilā al-Taṣawwuf al-Islāmī*. (Mesir: Dār al-Thaqāfah, t.t.), 21.

<sup>3</sup> Abu al-Wafā al-Ghanamī. *Madkhal Ilā al-Taṣawwuf al-Islāmī*. 21.

<sup>4</sup> Sulaiman Ibrahim al-Bārūhī. *Al-Turuq al-Ṣūfiyyah Fī Mālīziyā*. (Seremban: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, 2002), 89.

<sup>5</sup> Sulaiman Ibrahim al-Bārūhī. *Al-Turuq al-Ṣūfiyyah Fī Mālīziyā*. 90.

<sup>6</sup> Al-Qushayrī, ‘Abdul Karīm Abū al-Qāsim. *Al-Risālah al-Qushayriyyah*. (Mesir: Dār al-Sh‘ab, 1989), 464.

Kata Ma'rūf al-Karkhī:

الْتَّصُوفُ الْأَخْدُ بِالْحَقَائِقِ وَالْيَأسُ بِمَا فِي أَيْدِي الْخَلَائِقِ

Maksudnya: *Tasawuf adalah mengambil kebenaran serta berputus asa terhadap apa yang dimiliki oleh para makhluk.*<sup>7</sup>

Kata al-Junayd al-Baghdaðī:

الْتَّصُوفُ ذِكْرٌ مَعَ اجْتِمَاعٍ وَوَجْدٌ مَعَ اسْتِمَاعٍ وَعَمَلٌ مَعَ ابْتِاعٍ

Maksudnya: *Tasawuf adalah ingat (kepada Allah SWT) semasa di perhimpunan orang ramai, menghayati melalui pendengaran (pengajian agama), beramal dengan mengikuti (syariat).*<sup>8</sup>

Kata ‘Abd al-Qādir al-Jīlānī:

الصُّوفِيُّ مَنْ كَانَ صَافِيًّا مِنْ آفَاتِ النَّفْسِ، حَالِيًّا مِنْ مَذْمُومَاتِهِ  
سَالِيًّا لِحَمِيدِ مَذَاهِبِهِ مُلَازِمًا لِلْحَقَائِقِ عَيْرَ سَاكِنٍ بِقُلُوبِهِ إِلَى أَحَدٍ مِنْ  
الْخَلَائِقِ

Maksudnya: *Sufi adalah sesiapa yang suci daripada keburukan jiwa. Kosong daripada sifat-sifat yang tercela. Mencari sesuatu yang mulia dalam perjalannya. Melazimi kepada kebenaran tanpa hatinya berpaut kepada mana-mana makhluk.*<sup>9</sup>

Berdasarkan kenyataan-kenyataan yang telah dikemukakan, jelas kelihatan tasawuf adalah satu ilmu dan juga proses penyucian hati serta pengosongan diri daripada sifat-sifat tercela. Tasawuf membentuk

<sup>7</sup> Al-Qushayrī. *Al-Risālah al-Qushayriyyah*. 466.

<sup>8</sup> Al-Qushayrī. *Al-Risālah al-Qushayriyyah*. 466.

<sup>9</sup> Al-Jīlānī, ‘Abdul Qādir bin Mūsā. - *al-Ghunīyyah Liṭālibī Ṭarīq al-Haq ‘Azza Wajalla*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 2: 272.

seseorang sebagai sufi yang mempunyai akhlak yang mulia dan mencari kebenaran. Justeru itu, tasawuf merupakan satu perkara yang penting dalam pembentukan jati diri, sahsiah dan kerohanian seseorang Muslim. Walaupun begitu, tasawuf tetap dipersoalkan tentang pensyariatannya dalam Islam. Oleh itu, kajian ini bertujuan menerangkan tentang pensyariatan tasawuf. Bukan itu sahaja, kajian ini juga akan membahaskan perkembangan tasawuf di Tanah Melayu dan di Negeri Selangor Darul Ehsan.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Kajian analisis tekstual dijalankan terhadap dokumen-dokumen tertentu seperti buku-buku dan artikel jurnal yang berkaitan. Bagi mengkaji berkenaan pensyariatan tasawuf, buku-buku yang membahaskan tentang tasawuf dirujuk. Al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW turut dirujuk sebagai sumber utama kajian. Bagi mengkaji tentang perkembangan tasawuf di Tanah Melayu dan di Selangor, artikel jurnal yang berkaitan dengan tasawuf di alam Melayu, ulama-ulama di Tanah Melayu dan tokoh-tokoh ulama di nusantara turut dirujuk.

## PENSYARIATAN TASAWUF

Sandaran atau sumber utama bagi tasawuf adalah syarak. Hal ini kerana, tasawuf sendiri diambil daripada al-Quran, sunnah dan juga *ahwāl* (keadaan) para Sahabat. Kata Abū al-Wafā' dalam *Madkhāl Ilā al-Taṣawwuf al-Islāmī*:

فَمِنَ الطَّبِيعيِّ أَنْ يَكُونَ مَصْدَرُهُ الْأَوَّلُ إِسْلَامِيًّا فَقَدْ اسْتَمَدَ مِنَ  
الْقُرْآنِ وَالسُّنْنَةِ وَمِنْ أَحْوَالِ الصَّحَابَةِ وَأَقْوَالِهِمْ عَلَى أَنَّ أَحْوَالَ  
الصَّحَابَةِ وَأَقْوَالَهُمْ مَا تَكُونُ لِتَخْرُجَ عَنْ نِطَاقِ الْكِتَابِ وَالسُّنْنَةِ وَبِذَاتِ  
يَكُونُ الْمَصْدَرَانِ الْأَسَاسِيَّانِ لِلتَّصَوُّفِ فِي الْحَقِيقَةِ هُما الْقُرْآنُ وَالسُّنْنَةُ

*Maksudnya: Secara asasnya, sumber utamanya adalah berasaskan Islam. Ia diambil daripada al-Quran, sunnah dan aḥwāl (keadaan) para Sahabat serta ucapan-ucapannya kerana keadaan dan ucapan-ucapan para sahabat tidak akan pernah keluar daripada batasan al-Quran dan sunnah. Oleh itu, sumber asas tasawuf pada asalnya adalah al-Quran dan sunnah.<sup>10</sup>*

Oleh itu, dapat juga difahami bahawa pensyariatan tasawuf juga berdasarkan kepada al-Quran dan sunnah. Seperti yang sedia maklum, tasawuf merujuk kepada sebuah proses atau pengamalan untuk penyucian hati, pemurnian akhlak dan jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Walaupun istilah "tasawuf" tidak disebut secara langsung dalam al-Quran mahupun hadis, namun prinsip-prinsipnya berakar daripada sumber utama Islam ini. Hal ini seperti pada firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ مِنْ زَكَاهَا وَقُدْ خَابَ مِنْ ذَسَاهَا

*Maksudnya: Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya (yang sedia bersih) bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).*

(Sūrah al-Shams 91: 9 dan 10)

---

<sup>10</sup> Abu al-Wafā al-Ghanamī. *Madkhal Ilā al-Taṣawwuf al-Islāmī*. 10.

Firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّى

*Maksudnya: Sesungguhnya berjayaalah orang yang (setelah menerima peringatan itu) berusaha membersihkan dirinya (dengan taat dan amal yang soleh).*

(Sūrah al-A'�ā 87:14)

Firman Allah SWT:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ, لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِنَدِيلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ

*Maksudnya: Katakanlah: "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Tiada sekutu bagiNya, dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan, dan aku (di antara seluruh umatku) adalah orang Islam yang awal pertama - (yang berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintahNya).*

(Sūrah al-An'ām 6:162 dan 163)

Firman Allah SWT:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَانُكُمْ

*Maksudnya: Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu.*

(Sūrah al-Hujurāt 49:13)

Di samping itu, terdapat juga beberapa hadis yang menunjukkan tentang pensyariatan tasawuf. Antaranya seperti sebuah hadis yang sangat masyhur berkaitan iman, Islam dan ihsan. Hadis yang diriwayatkan daripada 'Umar RA, telah berkata Jibril kepada Baginda SAW:

فَأَخْبَرَنِي عَنِ الْإِحْسَانِ قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَائِنًا فِي تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ  
تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

*Maksudnya: Maka beritahu kepadaku tentang ihsan. Jawab Baginda SAW: Ihsan itu adalah apabila kamu beribadah kepada Allah SWT seolah-olah kamu dapat melihatNya. Jika kamu tidak dapat melihatNya, maka ketahuilah Dia melihat kamu.*<sup>11</sup>

(Riwayat Muslim)

Hadis yang diriwayatkan daripada Nu'mān bin Bashīr RA, Rasulullah SAW bersabda:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ  
فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقُلْبُ

*Maksudnya: Ketahuilah, dalam jasad ada segumpal daging. Jika ia baik, maka baiklah seluruh jasad; dan jika ia rosak, maka rosaklah seluruh jasad. Ketahuilah, ia adalah hati.*<sup>12</sup>

(Riwayat al-Bukhārī)

<sup>11</sup> Muslim bin al-Hajjāj, *Šaḥīḥ Muslim*, (Mesir: 'Isā al-Bābī al-Ḥalabī, 1955), Hadis no. 1, 1: 36.

<sup>12</sup> Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl, *Šaḥīḥ al-Bukhārī*, (Mesir: Sultāniyah, 1893), Hadis no. 52, 1: 20.

Hadis yang diriwayatkan daripada Fuḍālāh bin ‘Ubayd RA, sabda Rasulullah SAW:

الْمُجَاهِدُ مَنْ جَاهَدَ نَفْسَهُ

*Maksudnya: al-Mujāhid adalah orang yang berjuang melawan nafsunya.*<sup>13</sup>

(Riwayat al-Tirmidhī)

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran serta hadis-hadis yang telah dinyatakan, jelas bahawa prinsip-prinsip tasawuf banyak disebut dan diterangkan dalam nas-nas syarak. Berdasarkan nas-nas ini, tasawuf itu adalah penyucian hati, mujahadah jiwa, mentauhidkan Allah SWT sehingga menuju darjat taqwa. Berdasarkan nas-nas ini juga, tasawuf juga disebut sebagai *tazkiyyah, mujāhadah, ihsān* dan taqwa.

Bukan itu sahaja, nas-nas ini menunjukkan bahawa tasawuf itu berdiri atas usul yang sahih. Mereka yang digelar sufi mestilah berpegang dengan iktikad yang selamat lagi sahih. Usul tasawuf adalah tauhid kepada Allah Yang Maha Esa serta berpegang dengan metodologi Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kata Abū al-Qāsim al-Qushayrī:

أَنَّ شُعُّوخَ هَذِهِ الطَّائِفَةَ بَنُوا قَوَاعِدَ أَمْرِهِمْ عَلَى أُصُولٍ صَحِيحَةٍ فِي  
الْتَّوْحِيدِ صَانُوا بِهَا عَقَائِدَهُمْ عَنِ الْبِدَعِ وَدَانُوا بِهَا وَجَدُوا عَلَيْهِ السَّلَفُ  
وَأَهْلُ الْسُّنْنَةِ مِنْ تَوْحِيدٍ لَيْسَ فِيهِ تَمْثِيلٌ وَلَا تَعْطِيلٌ وَعَرَفُوا مَا هُوَ حَقٌّ  
الْقِدَمِ وَتَحَقَّقُوا بِهَا هُوَ نَعْتُ الْمَوْجُودِ عَنِ الْعَدَمِ وَلِذَلِكَ قَالَ سَيِّدُ  
هَذِهِ الطَّرِيقَةِ الْجَنِيدُ رَحْمَةُ اللَّهِ: التَّوْحِيدُ إِفْرَادُ الْقِدَمِ مِنَ الْخَدْثِ  
وَأَحْكَمُوا أُصُولَ الْعَقَائِدِ بِوَاضِحِ الدَّلَائِلِ وَلَائِحِ الشَّوَاهِدِ

<sup>13</sup> Al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Isā. *Sunan al-Tirmidhī*, (Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1975), Hadis no. 1621, 4: 165.

*Maksudnya: Sesungguhnya guru-guru kumpulan (tasawuf) telah membina kaedah-kaedah yang berdasarkan usul yang sahih pada tauhid yang memelihara akidah-akidah mereka daripada bid'ah. Mereka menyeru kepada apa yang telah dibawa oleh para salaf dan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam mentauhidkan Allah SWT yang tiada sesuatu serupa dengannya serta memperkenalkan apa yang layak bagi Tuhan Sedia Ada. Mereka menetapkan bahawa Allah SWT bersifat wujud berbanding tiada. Oleh itu, telah berkata al-Junayd al-Baghdādī, pemimpin tarekat ini: Tauhid adalah mengkhususkan bahawa Allah SWT bersifat sedia ada berbanding berlaku perubahan. Berhukum dengan usul akidah dengan dalil-dalil yang jelas dan bukti-bukti yang nyata.<sup>14</sup>*

## PERKEMBANGAN TASAWUF DI TANAH MELAYU

Penyebaran dan perkembangan tasawuf sangat berkait rapat dengan kedatangan islam di Nusantara. Berlaku perbezaan dalam kalangan pengkaji sejarah dalam menetapkan tarikh sebenarnya kedatangan Islam ke Nusantara. Menurut sejarawan tempatan, kedatangan Islam ke Nusantara adalah sekitar kurun ke-7M dan ke-8M. Manakala kedatangan Islam ke Tanah Melayu adalah sekitar kurun ke-9M dan selewat-lewatnya pada kurun ke-12M.<sup>15</sup>

Permulaan perkembangan tasawuf di Tanah Melayu berlaku pada sekitar kurun ke-15M dan 16m di Melaka. Menurut Wan Suhaimi Wan Abdullah dan Che Zarina Sa’ari, anggaran tarikh kemasukan tarekat ke Kepulauan Melayu adalah pada kurun ke-16M. Antara tokoh terawal membincangkan tentang tarekat dalam bentuk penulisan ialah Syeikh ‘Abdul Ra’ūf al-Fansūrī (1693M) yang membawa tarekat Shattāriyyah.

---

<sup>14</sup> Al-Qushayrī. *Al-Risālah al-Qushayriyyah*. 24.

<sup>15</sup> Rosni binti Wazir, “Sorotan Perkembangan Tasawuf Di Alam Melayu, Tokoh-Tokoh Dan Karyanya”, *Jurnal Pengajian Islam* 9, no. 2, (2016): 178.

Begitu juga dengan tarekat ‘Alawiyyīn yang diperkenalkan oleh golongan Syed ‘Alawiy. Pada kurun ke-18M pula terdapat tarekat Ahmadiyyah Idrīsiyyah yang diperkenalkan oleh Syeikh ‘Abdul Ṣamad al-Falimbānī (1789M).<sup>16</sup>

Justeru, datangnya Islam ke Tanah Melayu melalui pengamakan tarekat juga telah mempromosikan amalan tasawuf secara meluas melalui peranan gerakan tokoh-tokoh ulama sufi yang memainkan peranan penting dalam menyebarkannya. Kedatangan tokoh-tokoh ini ke Tanah Melayu turut membawa pelbagai aliran tarekat yang terkenal seperti tarekat Qādiriyyah, tarekat ‘Alawiyyah, tarekat Naqshabandiyyah, tarekat Shattāriyyah dan lain-lain.<sup>17</sup>

Sebagaimana terdapat berpuluhan-puluhan mazhab fiqh dalam Islam seperti empat mazhab terbesar yang paling terkenal iaitu mazhab Shāfi‘ī, mazhab Ḥanafī, mazhab Mālikī dan mazhab Ḥanbalī, begitu juga perkembangan tarekat sufi yang mempunyai berpuluhan-puluhan aliran. Melihat kepada metode dan sistem latihan untuk kesihatan jasmani, terdapat beratus-ratus kaedah namun tujuannya hanyalah satu iaitu untuk mencapai kesihatan tubuh badan. Demikian juga, puluhan jenis tarekat tersebut adalah cara, peraturan dan jalan untuk melatih akhlak, nafsu dan roh bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT.<sup>18</sup>

Secara asasnya, perkembangan tasawuf di Tanah Melayu terbahagi kepada tiga peringkat. Peringkat pertama adalah pada fasa awal kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Peringkat kedua adalah pada zaman sebelum kemerdekaan. Peringkat ketiga adalah pada zaman selepas kemerdekaan.

---

<sup>16</sup> Wan Suhaimi Wan Abdullah, Che Zarina Sa’ari. *Tasawuf dan Ummah*. (Malaysia: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004), 31-32.

<sup>17</sup> Rosni binti Wazir, “Sorotan Perkembangan Tasawuf Di Alam Melayu, Tokoh-Tokoh Dan Karyanya”. 182.

<sup>18</sup> Burhanuddin al-Hilmy. *Simposium Tasawwuf dan Tariqat*. (Malaysia: Jabatan Mufti Negeri Sembilan, 2006), 9-10.

Pada fasa awal kemerdekaan, golongan sufi memainkan peranan yang besar dalam memupuk nilai Islam dalam kalangan masyarakat Melayu pada ketika itu. Umum mengetahui bahawa pemahaman dan pengamalan masyarakat Melayu terdahulu diresapi dengan pengaruh hindu, mistik dan unsur-unsur khurafat. Menurut Badlihisham Mohd Nasir dan Othman Haji Talib, golongan sufi pada waktu ini tidak terus menghentam unsur-unsur khurafat dalam masyarakat. Akan tetapi mereka menumpukan usaha pengislaman terlebih dahulu.<sup>19</sup>

Pada zaman sebelum kemerdekaan pula, golongan sufi memainkan peranan yang besar dalam menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Tokoh-tokoh seperti Tok Pulau Manis, Tok Ku Paloh, Abdul Rahman Limpong dan ramai lagi yang berusaha menghalau penjajah British. Terdapat juga tokoh tertentu yang terlibat dengan politik tanahair seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy (1969M) yang merupakan seorang ahli tarekat Naqshabandiyah. Kesemua ini menunjukkan adanya elemen tasawuf dalam memandu pengamalnya untuk bertindak aktif dalam mendepani isu-isu semasa.<sup>20</sup>

Manakala pada zaman selepas kemerdekaan, pemahaman tasawuf bergerak seiring dengan gerakan dakwah yang mendapat perhatian pada awal 1970an. Pada zaman ini berlakunya kebangkitan pelbagai pertubuhan dan gerakan yang menterjemahkan tasawuf dalam konteks gerakan masing-masing. Contohnya seperti Jamaat Tabligh yang konsep dakwahnya berteraskan kerohanian mula mendapat tempat dalam masyarakat Melayu pada waktu ini. Begitu juga dengan beberapa lagi gerakan-gerakan dakwah yang muncul pada ketika itu yang mengaplikasikan tasawuf dalam gerakan mereka.<sup>21</sup>

---

<sup>19</sup> Badlihisham Mohd Nasir, Othman Haji Talib, “Tasawuf Dalam Gerakan Dakwah Tanahair”, Jurnal Usuluddin, 18 (2003): 2-4.

<sup>20</sup> Badlihisham Mohd Nasir, Othman Haji Talib, “Tasawuf Dalam Gerakan Dakwah Tanahair”, 6.

<sup>21</sup> Badlihisham Mohd Nasir, Othman Haji Talib, “Tasawuf Dalam Gerakan Dakwah Tanahair”, 8.

## PERKEMBANGAN TASAWUF DI SELANGOR

Permulaan ajaran dan pengamalan tasawuf di Selangor tidak dapat dipastikan secara tepat. Walaupun begitu, sudah pasti pengamalan tasawuf di Selangor seiring dengan perkembangan tasawuf di Tanah Melayu secara umumnya. Perkembangan tasawuf di Selangor dapat dilihat daripada beberapa aspek seperti penglibatan Sultan atau kerajaan, pengamalan tarekat dan pengajian *turāth* sebagaimana yang akan dijelaskan kemudian.

Setakat penelitian terkini, pengamalan tasawuf di Selangor dapat dikesan seawal pemerintahan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor yang ketiga iaitu Sultan Muhammad Shah (1857M). Pada zaman ini, telah datang seorang ulama yang bernama Syeikh Abdul Ghani bin Subuh al-Bimawi (1853M) lalu dilantik sebagai penasihat agama sekitar tahun 1825. Kemudian jawatan tersebut diganti pula oleh Syeikh Ja‘far bin ‘Abdullah (1887M) yang merupakan seorang wali Allah dan orang soleh.<sup>22</sup>

Pengamalan tasawuf semakin jelas berkembang pada zaman pemerintahan DYMM Sultan Alaeddin Sulaiman Syah atas beberapa faktor. Salah satu faktor tersebut adalah apabila Baginda menerima Syeikh Tengku Mahmud Zuhdi (1956M) sebagai Penasihat Agama dan Syaikhul Islam Setia Diraja Selangor yang mana beliau adalah seorang ulama dan juga pengamal tarekat Shatariyyah dan Shādhiliyyah. Bukan itu sahaja, Baginda juga seorang Sultan yang alim dan berpengetahuan luas dalam ilmu agama. Baginda ada mengarang satu kitab yang berkaitan dengan tasawuf iaitu *Nasihat Pemeliharaan Guru Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak Pelajaran Di Dalam Sekolah Melayu Agama*.<sup>23</sup>

---

<sup>22</sup> Ayu Nor Azilah Mohamad. *Tokoh-Tokoh Ulama Selangor*. (Malaysia, Jabatan Peradaban dan Pemikiran Islam Universiti Islam Selangor, 2011), 62.

<sup>23</sup> Ayu Nor Azilah Mohamad, *Tokoh-Tokoh Ulama Selangor*, 4-7.

Pengamalan tarekat di Selangor juga memainkan peranan yang penting dalam perkembangan tasawuf di negeri ini. Hal ini juga terkait dengan pemerintahan DYMM Sultan Alaeddin Sulaiman Syah yang mengizinkan penyebaran amalan tarekat di Selangor. Perkara ini dibuktikan dengan sejumlah ulama dan pemimpin tarekat yang muncul lalu menyebarkan amalan tarekat di Selangor sepanjang pemerintahan Baginda. Antara ulama yang menyebarkan tarekat ialah Syeikh Ahmad Marzuki (1918M). Beliau telah membuka pusat *suluk* di Lubuk Pusing serta menyebarkan tarekat Naqshabandiyyah di sekitar Selangor. Terdapat juga ulama yang bernama Syeikh Muhammad Nur Qadhi Langkat dan Syeikh Uthman bin Abdullah al-Minangkabawi. Mereka berdua ini juga terkenal sebagai penyebar tarekat Naqshabandiyyah di Selangor.<sup>24</sup>

Penyebaran dan perkembangan tasawuf di Selangor berkekalan sehingga ke hari ini. Hal ini kerana salah satu faktornya adalah pengajian kitab *turāth* di negeri ini. Kitab *turāth* adalah segala peninggalan berbentuk penulisan mahupun buku yang dapat memberi manfaat kepada umat Islam. Dalam konteks pengajian Islam tradisional di Malaysia, kitab *turāth* merujuk kepada kitab-kitab pengajian Islam yang ditulis dengan tulisan jawi lama yang dikenali sebagai kitab klasik atau kitab kuning.<sup>25</sup> Kajian mendapati ilmu tasawuf dijadikan sebagai sebahagian daripada silibus pengajian *turāth* di Selangor. Hal ini bertujuan untuk menerapkan ilmu tasawuf melalui kitab muktabar seperti *Kitab Penawar Bagi Hati*, *Hidāyah al-Sālikīn*, *Ayyuhā al-Walad* dan *Minhāj al-‘Ābidīn*.<sup>26</sup>

Pengajian tasawuf berteraskan *turāth* diajarkan sama ada pada peringkat sekolah mahupun dalam kalangan masyarakat awam di masjid-masjid dan surau-surau. Penerapan tasawuf pada peringkat

<sup>24</sup> Ayu Nor Azilah Mohamad, *Tokoh-Tokoh Ulama Selangor*, 63-65.

<sup>25</sup> Ahmad Mursyid Azhar, “Pendekatan *Takhrij* Dan *Tahqīq* Dalam Pengajian Kitab *Turāth*: Kepentingan Serta Kaedah Rujukan”, RABBANICA, 4, no. 1 (2023): 79.

<sup>26</sup> Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan, Siti Mursyidah Mohd Zin, “Peranan Guru Pengajian Turath Dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar di Pondok”, Jurnal Al-Hikmah 13, no. 1 (2021): 52.

sekolah kelihatan dengan kewujudan aktiviti perkembangan sosial yang memberi pengaruh kepada keperibadian dan kerohanian pelajar. Hal ini termasuklah aktiviti zikir, wirid, qiamullail dan banyak lagi.<sup>27</sup> Pengajaran *turāth* tasawuf dalam kalangan masyarakat awam kelihatan apabila beberapa kitab tasawuf disenaraikan dalam kitab yang boleh diajarkan kepada orang awam di negeri Selangor.<sup>28</sup>

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) juga memainkan peranan penting dalam penerapan tasawuf pada zaman kini. JAIS telah menetapkan silibus pengajian agama Islam atau fardu ain pada peringkat sekolah rendah sama ada sekolah rendah agama (SRA), kelas fardu ain (KAFA) dan lain-lain. Salah satu silibus yang telah ditetapkan oleh JAIS adalah subjek akhlak.<sup>29</sup>

Tidak terhenti setakat itu sahaja, tasawuf mula diambil berat oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor sejak belakangan ini. Hal ini kelihatan apabila Kerajaan Negeri Selangor bersama-sama dengan beberapa agensi dan pertubuhan lain telah menjayakan Festival Turath Islam Selangor yang diadakan pada Mei dan Jun 2024. Antara aktiviti berteraskan tasawuf dalam festival ini adalah aktiviti Darul Ehsan Berselawat & Maulid Akbar.<sup>30</sup> Sehingga pada 25 November 2024, Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengadakan program Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj yang bertemakan *Ilmu Tasawuf Merungkai Masalah Ummah*.<sup>31</sup> Pada program ini DYMM Sultan Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj telah bertitah mengenai keperluan

<sup>27</sup> Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan, Siti Mursyidah Mohd Zin, “Peranan Guru Pengajian Turath Dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar di Pondok”. 53.

<sup>28</sup> E-Tauliah MAIS. Diakses pada 26 Mei 2025: Chrome extension://efaidnbmnnibpcajpcglclefindmkaj/https://etauliah.mais.gov.my/assets/media/SENARAI\_KITAB\_PENGAJIAN%20PENGKULIAHAN\_PBNS.pdf.

<sup>29</sup> Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor, diakses pada 26 Mei 2025, <https://pendidikan.jais.gov.my/KSRA>

<sup>30</sup> Kerajaan Negeri Selangor, diakses pada 26 Mei 2025, <https://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/6860>

<sup>31</sup> Jabatan Mufti Negeri Selangor, diakses pada 26 Mei 2025, <https://www.muftiselangor.gov.my/2024/11/18/multaqa-sultan-sharafuddin-idris-shah-alhaj/>

mewujudkan panduan, silibus khas atau peraturan yang khusus mengenai pengamalan tasawwuf dan tarekat di negeri Selangor.<sup>32</sup> Ini menunjukkan betapa seriusnya Kerajaan Negeri Selangor dan Jabatan Mufti Negeri Selangor dalam memartabatkan tasawuf di negeri ini.

## KESIMPULAN

Tasawuf adalah sebuah pengamalan individu Muslim dalam penyucian jiwa dan hati membentuk insan yang berakhhlak mulia sehingga mencapai reda Allah SWT. Tasawuf merupakan salah satu fardu ain yang dituntut kepada umat Islam untuk beramal dengannya selepas tauhid dan *fiqh*. Bahkan pengamalan tauhid, *fiqh* dan tasawuf perlu seiring untuk membentuk jati diri Mukmin yang sebenar. Pensyariatan tasawuf jelas diterangkan daripada nas-nas syarak sama ada al-Quran mahupun sunnah Nabi SAW. Perkembangan tasawuf di Tanah Melayu bermula sekitar kurun ke-15M dan 16M. Golongan sufi memainkan peranan penting dalam menuntut kemerdekaan dan gerakan dakwah di Malaysia. Manakala perkembangan tasawuf di Selangor pula dipengaruhi atas beberapa faktor seperti penglibatan Sultan atau kerajaan, pengamalan tarekat dan pengajian *turāth*. Perkembangan tasawuf di Selangor adalah hasil usaha para pendakwah, agensi agama dan juga Kerajaan Negeri Selangor.

## RUJUKAN

- Abu al-Wafā al-Ghanamī. *Madkhāl Ilā al-Taṣawwuf al-Islāmī*. Mesir: Dār al-Thaqāfah, t.t.
- Ahmad Mursyid Azhar. “Pendekatan *Takhrīj* Dan *Tahqīq* Dalam Pengajian Kitab *Turāth*: Kepentingan Serta Kaedah Rujukan”. *RABBANICA 4*, no. 1 (2023): 77-89.

<sup>32</sup> Kerajaan Negeri Selangor, diakses pada 26 Mei 2025, [https://dewan.selangor.gov.my/question/enakmen-tarekat-tasawuf/#:~:text=Pelaksanaan%20Enakmen%20Tarekat%20Tasawwuf%20\(Negeri,memantau%20dan%20memurnikan%20amalan%20tarekat](https://dewan.selangor.gov.my/question/enakmen-tarekat-tasawuf/#:~:text=Pelaksanaan%20Enakmen%20Tarekat%20Tasawwuf%20(Negeri,memantau%20dan%20memurnikan%20amalan%20tarekat)

Ayu Nor Azilah Mohamad. *Tokoh-Tokoh Ulama Selangor*. Malaysia, Jabatan Peradaban dan Pemikiran Islam Universiti Islam Selangor, 2011.

Badlihisham Mohd Nasir, Othman Haji Talib, “Tasawuf Dalam Gerakan Dakwah Tanahair”. *Jurnal Usuluddin* 18 (2003): 1-24.

Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor. Diakses daripada: <https://pendidikan.jais.gov.my/KSRA>

Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Mesir: Sultāniyah, 1893.

Burhanuddin al-Hilmy. *Simposium Tasawwuf dan Tariqat*. Malaysia: Jabatan Mufti Negeri Sembilan, 2006.

Dewan Bahasa dan Pustaka, diakses daripada: <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=tasawuf>.

E-Tauliah MAIS. Diakses daripada: Chrome-extension://efaidnbmnnibpcajpcglclefindmkaj/[https://etauliah.mais.gov.my/assets/media/SENARAI\\_KITAB\\_PENGAJIAN%20\\_PENGKULIAHAN\\_PBNS.pdf](https://etauliah.mais.gov.my/assets/media/SENARAI_KITAB_PENGAJIAN%20_PENGKULIAHAN_PBNS.pdf)

Jabatan Mufti Negeri Selangor. Diakses daripada: <https://www.muftiselangor.gov.my/2024/11/18/multaqa-sultan-sharafuddin-idris-shah-alhaj/>

Al-Jīlānī, ‘Abdul Qādir bin Mūsā. *Al-Ghanī Liṭālibī Ṭarīq al-Haq ‘Azza Wajalla*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997.

Kerajaan Negeri Selangor. Diakses daripada: <https://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/6860>.

Kerajaan Negeri Selangor. Diakses daripada: [https://dewan.selangor.gov.my/question/enakmen-tarekat-tasawuf/#:~:text=Pelaksanaan%20Enakmen%20Tarekat%20Tasawuf%20\(Negeri,memantau%20dan%20memurnikan%20aman%20tarekat](https://dewan.selangor.gov.my/question/enakmen-tarekat-tasawuf/#:~:text=Pelaksanaan%20Enakmen%20Tarekat%20Tasawuf%20(Negeri,memantau%20dan%20memurnikan%20aman%20tarekat)

Muslim bin al-Hajjāj. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Mesir: ‘Isā al-Bābī al-Halabī, 1955.

- Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan, Siti Mursyidah Mohd Zin,  
“Peranan Guru Pengajian Turath Dalam Pembentukan Sahsiah  
Pelajar di Pondok”, *Jurnal Al-Hikmah* 13, no. 1 (2021): 43-71.
- Al-Qushayrī, ‘Abdul Karīm Abū al-Qāsim. *Al-Risālah al-Qushayriyyah*.  
Mesir: Dār al-Shu‘ab, 1989.
- Rosni binti Wazir, “Sorotan Perkembangan Tasawuf Di Alam Melayu,  
Tokoh-Tokoh Dan Karyanya”, *Jurnal Pengajian Islam* 9, no. 2  
(2016): 177 – 194.
- Sulaiman Ibrahim. *Al-Turuq al-Šūfiyyah Fī Mālīziyā*. Malaysia: Jabatan  
Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, 2002.
- Al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Isā. *Sunan al-Tirmidhī*. Mesir: Muṣṭafā  
al-Bābī al-Halabī, 1975.